

04 NOV 1997

G15:PEMIMPIN-PEMIMPIN BERTOLAK KE MELAKA UNTUK BERISTIREHAT

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin Kumpulan 15 negara Membangun (G15) bertolak ke Melaka Bandaraya Bersejarah pagi ini untuk beristirehat di hari kedua sidang kemuncak tiga hari itu.

Pemimpin-pemimpin itu dijangka mengadakan perbincangan lanjut di bandar bersejarah itu sebelum pulang ke ibu negara petang ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mempengerusikan sidang kemuncak itu akan mengadakan majlis makan malam di Hotel Palace of The Golden Horses, iaitu tempat berlangsungnya persidangan itu. -- BERNAMA

AZZ PR